

# Pemilik anjing didenda cuai sebabkan kematian

PETALING JAYA 25 Jun - Gara-gara cuai meninggalkan anjing peliharaan sehingga menyebabkan kematian seorang pesara yang diserang binatang itu ketika berjoging, seorang akauntan hari ini didenda RM2,000 atau penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini.

Majistret Mohd. Nazri Omran memutuskan demikian selepas Elaine Soon Sien Ling (**gambar**), 28, mengaku bersalah melakukan kesalahan itu sebaik sahaja pertuduhan dibacakan kepadanya di dalam bahasa Melayu.

Mengikut kertas pertuduhan, wanita itu didakwa dengan cuai membiarkan anjing peliharaannya sehingga mendatangkan bahaya kepada Yip

Sun Wah, 74, di hadapan rumahnya di Jalan SS 19/5B, Subang Jaya di sini, kira-kira pukul 9 pagi, 8 Mei lalu.

Dia dihukum mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya.

Terdahulu, Elaine dalam rayuan untuk meringankan hukuman berkata, dia membela anjing tersebut kerana ibunya tinggal seorang diri di rumah.

"Rumah saya pernah dimasuki pencuri, sebab itu saya bela anjing



itu," katanya.

Dia sangat kesal atas kejadian tersebut dan telah meminta maaf dengan keluarga mangsa.

"Mereka telah memafkan saya selain menarik balik laporan polis yang dibuat berhubung kes tersebut," ujarnya.

Wanita itu juga maklumkan bahawa hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh doktor veterinar, anjing peliharaannya itu didapati sihat dan tidak menghadapi sebarang penyakit.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Fatimah Yahya bagaimanapun memohon mahkamah mengambil kira kecuaian tertuduh yang telah me-

nyebabkan kematian mangsa.

"Saya mohon hukuman setimpal agar dapat memberi pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat," katanya.

Memetik laporan akhbar sebelum ini, mangsa diserang anjing jenis 'pitbull' itu ketika sedang berjoging di hadapan rumah pemilik anjing tersebut yang juga merupakan jirannya.

Gigitan haiwan itu menyebabkan leher mangsa luka teruk dan telinga kanannya hampir hancur.

Kecederaan parah itu mengakibatkan mangsa yang menjadikan aktiviti berjoging di sekitar kawasan rumah sebagai rutin harian sejak 20 tahun lalu meninggal dunia di tempat kejadian.